

MYUniMAP
Edisi XXXVI
BERITA



SUMBANGAN 128 MAHASISWA UniMAP DIHARGAI DI AGS 2017

Oleh : Mohd Basri Basir

Pauh Putra, 16 Mac – Seramai 128 mahasiswa Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) meraih Anugerah Gemilang Siswa 2017 yang diadakan di Dewan Kecemerlangan, UniMAP di sini, hari ini.

Mereka adalah penerima daripada 33 kategori anugerah yang diadakan sebagai acara tahunan UniMAP sebagai suntikan dan rangsangan kepada mahasiswa agar terus menggilap bakat serta menyerlahkan potensi mereka.

Naib Canselor UniMAP, Dato' Prof Dr Zul Azhar Zahid Jamal berkata AGS 2017 juga diadakan sebagai satu bentuk penghargaan dan pengiktirafan di atas sumbangan mahasiswa yang bukan sahaja cemerlang dalam akademik tetapi juga sukarelawan.

"Ini menunjukkan bahawa UniMAP tidak memandang rendah kepada mahasiswa yang menyokong serta memberi komitmen dalam mana-mana program dalam mahupun luar negara.

"Terima kasih yang tidak terhingga daripada pengurusan UniMAP kerana

sumbangan anak-anak mahasiswa telah membantu mengharumkan nama universiti ini," ujarnya ketika berucap merasmikan AGS 2017.

Hadir sama Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UniMAP, Prof Madya Dr Mohd Foad Sakdan, Dekan HEPA UniMAP, Prof Madya Razli Ahmad serta dekan-dekan.

Beliau turut menjelaskan bahawa UniMAP turut mengambil langkah pro aktif dalam usaha memastikan setiap mahasiswa UniMAP adalah siswazah siaga industri.

Katanya, dalam pelan strategi UniMAP telah menggariskan rangka kerja strategik dalam aspek kesiap-siagaan siswazah dalam industri.

"Keintiman UniMAP dan industri seterusnya dapat memberi ilmu dengan mengetahui selok belok mereka bagi memastikan pelaburan masa, tenaga dan wang ringgit dalam operasi akademik kita membuahkan hasil," katanya.